



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

## 88 siasatan dibuka babit kes penipuan pakej umrah

Tenom: Sebanyak 88 kertas siasatan dibuka bagi kes penipuan pakej umrah membatikan 47 mangsa, Disember lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata sebahagian siasatan sudah lengkap dan syarikat berpengkalan di Putrajaya itu sudah menerima notis pendakwaan.

"Pendakwaan akan dilakukan pada 9 Januari ini (esok) mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Dalam isu penipuan umrah ini, bidang kuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) terkait kepada aspek kepenggunaan.

"Aspek pelesenan, elemen jenayah dan lain-lain adalah di bawah bidang kuasa Kementerian serta agensi berbeza.

"Ketua setiausaha kementerian sudah diarah mengadakan perbincangan segera melalui jawatankuasa bersama pihak berkaitan membabitkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) berkaitan pelesehan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi unsur-unsur jenayah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Pejabat



Armizan meninjau pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, gas petroleum cecair LPG dan PoS to PoS membabitkan beberapa pusat penjualan di Tenom, semalam.

(Foto Adam Arinin/BH)

Peguam Negara.

"Ini selepas mengambil kira isu dan kes membabitkan penipuan umrah semakin banyak," katanya selepas meninjau pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, gas petroleum cecair LPG dan Community Drumming (PoS to PoS) membabitkan beberapa pusat penjualan di sini, semalam.

Armizan mengulas mengenai

kes penipuan pakej umrah membabitkan sekumpulan 47 mangsa pada Disember tahun lalu.

Sebelum ini, KPDN meminta semua mangsa kes penipuan pakej umrah terbabit membuat aduan rasmi kepada KPDN bagi memudahkan siasatan terperinci dilaksanakan.

Mangsa menggesa KPDN mengambil tindakan terhadap syarikat pelancongan selepas gagal

membayar ganti rugi seperti diminta Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Mengenai PoS to PoS, Armizan berkata, sejumlah RM225 juta diperuntukkan bagi program itu tahun ini di Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang serta Kedah.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM79.7 juta adalah peruntukan bagi 654 pusat penjualan.

Katanya, ia membabitkan subsidi kerajaan melalui pelantikan syarikat penghantaran barang keperluan dan kawalan terpilih dari pusat atau sumber bekalan kepada pusat penjualan di pedalaman dan pulau.

"Kos pengangkutan barang ke kawasan pedalaman terpilih dibayai oleh kerajaan.

"Kita mahu penduduk di pedalaman terpilih mempunyai akses kepada barang perlu khususnya barang kawalan pada harga sama dinikmati penduduk kawasan lain," katanya.

"Program ini dapat membantu mewujudkan ketstabilan bekalan di pedalaman," katanya.

Armizan berkata, kementerian dalam proses menambah baik pelaksanaan program sama membabitkan tiga aspek iaitu tatacara perolehan, mekanisme kawalan dan pematuhan serta penyasaran komuniti.

Katanya, penambahan tatacara perolehan melalui kaedah tender terbuka dilaksanakan pertengahan tahun lalu.

"Proses perolehan pelantikan syarikat pengangkutan dibuat secara rundingan terus pada peringkat awal pelaksanaan," katanya.

# Syarikat tipu pakej umrah didakwa di mahkamah esok



ARMIZAN Mohd. Ali (dua kiri) melawat pusat penjualan barang perlu dan kawalan di Tenom, Sabah, semalam.

Oleh SURAIDAH ROSLAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**TENOM:** Syarikat yang didakwa melakukan penipuan pakej umrah terhadap 47 mangsa akan didakwa di mahkamah pada 9 Januari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, sebahagian siasatan telah pun lengkap dan setakat ini sebuah syarikat berpenggalan di Putrajaya menerima notis untuk pendakwaan.

Pendakwaan akan dilakukan di bawah Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Menurut beliau, pihaknya menerima aduan daripada mangsa pada 22 Disember lalu mengenai kesalahan syarikat umrah tidak mematuhi keputusan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang menetapkan award perlu dibayar oleh syarikat berkenaan kepada mangsa terlibat.

"Setakat ini bahagian penuntutan kuasa Kementerian Per-

dagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) membuka 88 kertas siasatan mengenai kes penipuan umrah berkenaan," katanya dalam sidang akbar di sini, semalam.

Jelasnya, mengambil kira isu dan kes melibatkan penipuan umrah semakin meningkat, beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha KPDN untuk mengadakan perbincangan segera melalui sebuah jawatankuasa melibatkan agensi berkaitan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (berkaitan pelesiran), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri serta Pejabat Peguam Negara.

Pada 24 November lalu, media melaporkan Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO) menggesa PDRM melakukan siasatan atas kesalahan jenayah terhadap sebuah syarikat yang disyaki memperdayakan 123 mangsa penipuan pakej umrah membabitkan jumlah kerugian RM1.3 juta.

## Ditahan isi diesel dalam tangki ubah suai

**KUALA SELANGOR:** Tindakan seorang pemandu lori mengisi diesel ke dalam tangki yang diubah suai di sebuah stesen minyak di Puncak Alam di sini memakan diri apabila dia ditahan pihak berkuasa semalam.

Cubaan menyeleweng ribuan liter minyak bersubsidi itu dilakukan lelaki berusia lingkungan 30-an pada kira-kira pukul 1.40 pagi.

Perbuatan itu dikesan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Selangor menerusi rondaan dan pemantauan dalam Ops Tiris.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPdn Selangor, Mohd. Khairi Jamaludin berkata, diesel itu diisi secara serentak menggunakan dua nozel ke dalam tangki minyak kenderaan tersebut.

"Hasil pemeriksaan mendapati enam tong plastik berkapasiti 1,000 liter berada di dalam ruang kargo lori.

"Minyak yang diisi menerusi tangki asal lori dipam masuk ke dalam empat tangki plastik yang diubah suai.

"Selain lori, kita merampas enam tong plastik, pam bermotor, hos penyambung dan 2,000 liter diesel dianggarkan bernilai RM4,300," katanya ketika dihubungi, semalam.

## Peruntukan RM225 juta edar barang perlu di enam negeri

**TENOM:** Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM225 juta bagi melaksana program pengedaran barang perlu, gas petroleum cecair (LPG) dan *Community Drumming* di enam negeri di seluruh negara pada tahun ini.

Enam negeri yang terlibat adalah Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah.

Menteri Pedagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM79.7 juta akan diperuntukkan kepada Sabah bagi pelaksanaan program tersebut di 654 pusat penjualan (PoS).

Beliau berkata, program itu melibatkan pemberian subsidi

kerajaan melalui pelantikan syarikat-syarikat transporter yang memberikan perkhidmatan mengangkut barang-barang perlu dan kawalan yang terpilih daripada pusat atau sumber bekalan kepada pusat penjualan (PoS) di kawasan pedalaman dan pulau.

"Ia bagi memastikan penduduk di kawasan pedalaman terpilih mempunyai akses kepada sejumlah barang perlu khususnya barang kawalan pada harga sama yang dinikmati oleh penduduk di kawasan lain.

"Melalui program ini, kos pengangkutan barang ke kawasan pedalaman terpilih dibayai oleh kerajaan, selain dapat menstabil harga barang berkenaan," katanya selepas lawa-

tan ke pusat jualan di sekitar Tenom, semalam.

Tujuh jenis barang yang terlibat dalam program berkenaan adalah beras putih, gula putih bertapis kasar, tepung gandum, minyak masak, LPG (tong gas memasak), petrol RON95 dan diesel.



ARMIZAN Mohd. Ali (dua kiri) ketika mengadakan lawatan ke pusat penjualan barang perlu dan kawalan di Tenom, semalam.



ARMIZAN (dua dari kiri) ketika meninjau pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, gas petroleum cecair LPG dan Community Drumming di Tenom semalam.

## Seludup barang kawalan memang berlaku di sempadan

**TENOM** – Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali mengesahkan wujudnya ketirisan serta penyeludupan membabitkan barang kawalan di kawasan sempadan negara.

Armizan berkata, situasi berkenaan membuatkan pihak kerementerianya sentiasa peka dengan melihat akta-akta berkaitan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) daripada semasa ke semasa.

"Saya juga bakal turun ke Perlis pada hujung bulan ini untuk melihat salah satu perkara lagi daripada aspek akta-akta yang terkait di bawah KPDN dan urusan pemantauan di peringkat sempadan."

"Hal ini kerana antara fokus kita di kerementerian adalah melihat bagaimana penguatkuasaan pemakaian akta-akta di

bawah kerementerian membabitkan kawasan sempadan.

"Ia penting dalam mengekang isu penyeludupan, namun perkara ini turut melibatkan pelbagai agensi lain."

"Contohnya, kes penyeludupan di sekitar perairan bukanlah di bawah KPDN dan perkara itu di bawah bidang kuasa polis marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan beberapa agensi lain," katanya.

Beliau ditemui selepas meninjau pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, gas petroleum cecair LPG dan Community Drumming (PoS to PoS) membabitkan beberapa pusat penjualan di daerah Tenom semalam.

Dalam pada itu, Armizan menjelaskan pihak KPDN sentiasa membuat penambahbaikan penguatkuasaan daripada semasa ke semasa melalui pelbagai mekanisme.

## KES TIPU PAKEJ UMRAH

# 88 kertas siasatan sudah dibuka

**Tenom:** Sebanyak 88 kertas siasatan sudah dibuka berhubung kes penipuan pakej umrah membabitkan 47 mangsa pada Disember lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, sebahagian siasatan sudah lengkap dan setakat ini syarikat berkaitan sudah menerima notis untuk pendakwaan.

Menurutnya, pendakwaan terhadap agensi terbabit akan dibuat mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999, esok.

"Dalam isu penipuan umrah ini, bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) adalah terkait kepada aspek kepeng-

gunaan.

"Sementara aspek perlesenan, elemen jenayah serta lain-lain adalah di bawah bidang kuasa kementerian dan agensi lain.

"Bagaimanapun, saya sudah mengarahkan ketua setiausaha kementerian untuk mengadakan perbincangan segera melalui sebuah jawatankuasa yang melibatkan agensi berkaitan seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Motac) untuk berkaitan perlesenan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkait unsur jenayah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) dan Pejabat Peguam Negara selepas mengambil kira isu dan kes melibatkan penipuan umrah semakin banyak," katanya di sini, semalam.

**KPDN buka  
88 kertas siasatan  
penipuan pakej  
umrah, syarikat  
terlibat bakal  
didakwa esok**

**6**

88 kertas siasatan dibuka selepas gagal mematuhi keputusan TPPM

Oleh ASYIKIN ASMIN  
**TENOM**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) sudah membuka 88 kertas siasatan membabitkan aduan mangsa penipuan pakej umrah.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, mangsa mendakwa syarikat terbabit tidak mematuhi award seperti diputuskan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM).

"Salah satu kes yang menjadi isu di TPPM adalah membabitkan sebuah syarikat yang di perintahkan membuat pembayaran award terhadap mangsa."

"Bagaimanapun, pada 22 Disember lalu, mereka membuat aduan kepada bahagian penguasaan KPDN bahawa syarikat itu tidak mematuhi arahan seperti diputuskan TPPM," katanya selepas menyempurnakan Program Community Drumming, di sini, pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika ditanya perkembangan berkaitan dakwaan sekumpulan pengguna menjadi mangsa penipuan pakej umrah, baru-

# Syarikat terlibat penipuan pakej umrah bakal didakwa



Armizan (tengah) ketika menghadiri Program Community Drumming di Tenom pada Ahad.

baru ini.

Tambah Armizan, susulan siasatan KPDN, syarikat berpangkalan di Putrajaya itu akan didakwa di mahkamah pada Selasa ini (esok).

"Kita sudah menjalankan siasatan telus dan terperinci berhubung aduan tersebut.

"Syarikat ini sudah diberikan

notis untuk proses pendakwaan mahkamah di bawah Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 atas aduan ketidakpatuhan terhadap award yang diputuskan TPPM," katanya.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, isu penipuan umrah adalah di bawah

bidang kuasa KPDN di mana ia berkaitan aspek kepenggunaan manakala daripada aspek perlesenan, elemen jenayah dan lain-lain adalah di bawah bidang kuasa kementerian dan agensi lain.

"Mengambil kira isu dan kes membabitkan penipuan umrah semakin banyak, saya sudah

“

Salah satu kes yang menjadi isu di TPPM adalah membabitkan sebuah syarikat yang diperintahkan membuat pembayaran award terhadap mangsa."

- Armizan Mohd Ali

menggarahkan Ketua Setiausaha KPDN untuk mengadakan perbincangan segera melalui jawatankuasa membabitkan agensi berkaitan.

"Usaha ini penting untuk penyelaras dan mengenal pasti tindakan yang perlu dilaksanakan untuk memastikan perlindungan lebih holistik kepada pengguna dalam pengurusan umrah dan haji.

"Ini termasuk mengkaji keperluan menambah baik kerangka perundangan sedia ada untuk pertimbangan jemaah menteri," katanya.

## RM225m for goods distribution initiative

**TENOM:** The federal government has allocated RM225 million for the implementation of the essential goods and liquefied petroleum gas distribution and community drumming programme this year.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the programme would be implemented in Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang and Kedah.

"RM79.7 million has been set aside for implementing the programme in Sabah. We are working on improving its implementation, involving three aspects, namely procurement procedures, control mechanisms and study compliance as well as recipient community targeting."

He was speaking after conducting a check on the programme's implementation in Tenom yesterday.

Armizan added that the government would bear the cost of transport for delivering essential goods to selected rural areas, ensuring that residents would have access to these items at affordable prices equivalent to those in the nearest city or town, Bernama reported.

"The objective of this programme is to ensure that residents in selected rural areas have access to a number of essential goods, especially controlled items, at the same price enjoyed by residents in other areas."

# Crackdown on counterfeit goods trade

Efforts to protect Intellectual Property Rights to continue despite challenges presented by elusiveness of online sellers

■ BY QIRANA NABILLA  
MOHD RASHIDI  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALING JAYA:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is cracking down on the counterfeit goods market in the country, said to be worth some RM300 billion per annum.

Its enforcement division director general Datuk Azman Adam told *theSun* that between January and November last year, RM14.9 million worth of counterfeit goods were seized from hotspots in Jalan Petaling, Jalan Chow Kit and Jalan

Kenanga in Kuala Lumpur.

"We have also blocked a total of 1,249 websites and removed 729 social media accounts with postings containing counterfeit products throughout 2023."

"We are determined to act against those selling counterfeit products as Malaysia currently ranks number three in Asia for sale of counterfeit goods. This damages the country's reputation."

Azman said the ministry is investigating 394 cases under the Trademarks Act 2019 for copyright infringement, adding that in July last year, 2,505 high-quality fake

handbags, wallets, bracelets and rings worth RM250,000 were seized.

"They were seized from nine premises in Petaling Street, with some of the counterfeit items being sold for between RM400 and RM4,000 each."

"There is no denying that Jalan Petaling is infamous for selling counterfeit goods. So, we have taken various efforts and approaches to strengthen the protection of Intellectual Property Rights."

"The widespread sale of counterfeit and pirated goods in the market is not only a domestic trade issue but also a global problem."

He said the growth of more advanced technologies and social media facilitated the operations of sellers engaged in the counterfeit goods trade on online platforms.

Azman also said the convenience and accessibility offered by digital channels have significantly

contributed to the proliferation of illegal practices and enabled sellers to reach a broader audience.

"When the ministry receives a complaint from a trademark owner, we immediately notify the online platform through the Malaysian Communication and Multimedia Commission."

"A notice is then issued to take down the offending content from the platform," he said, adding that sellers of counterfeit goods earn substantial profits as the items can be produced at a significantly lower price compared to authentic ones.

On factors contributing to Malaysia becoming a hub for counterfeit products, Azman said one is the country's position as a hub for international trade and commerce, that makes Malaysia a convenient location for the production and distribution of counterfeit goods.

"Globalisation facilitates the

movement of counterfeit products across borders. This can make it challenging to enforce intellectual property rights, especially when dealing with cross-border trade and online transactions."

Azman said a common trend has emerged in which sellers specifically target women in their efforts to sell counterfeit products, especially involving luxury brands.

"There might be a significant demand for designer handbags driven by societal expectations or personal desires."

"Some individuals may seek to own prestigious brands but are unable or unwilling to pay the high prices for authentic items. This creates the market for counterfeit alternatives."

Offences linked to counterfeit goods are under the Trademarks Act 2019 and violators may be subject to fines of up to RM15,000 per item.

## RM225mil subsidy for rural folk to get essential goods

By DURIE RAINER FONG  
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Six states have been allocated some RM225mil in funds under a special programme to ensure those at designated rural areas have access to essential items, says Datuk Armizan Mohd Ali.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang and Kedah would benefit from the Federal Government's Essential Goods Distribution, LPG (liquefied natural gas) and Community Drumming Programme for this year.

He said for Sabah, 654 points of sale (PoS) have been identified for implementation this year, with an estimated RM79.7mil allocated.

He said the programme was aimed at giving government subsidies through the appointment of transporter companies, which transfer selected essential and controlled goods from the points of source to the points of sale in interior areas as well as islands.

"The objective of the programme was to ensure residents



**Stock check:**  
Armizan (second from right) inspecting the price and supply of gas cylinders for the Community Drumming Project in Tenom.  
— Bernama

at designated rural areas have access to essential items, particularly controlled goods at the same price as enjoyed by people in other areas," he said in a statement here yesterday.

"At the same time, the programme can also help in creating stability on the supply of essential and controlled goods in the interior areas," he added.

Armizan said the transport costs of these items to such loca-

tions will be borne by the government under the initiative. He added the seven goods covered under this programme were white rice, refined white sugar, wheat flour, cooking oil, LPG tanks and RON95 petrol and diesel.

He said this after inspecting the implementation of the programme in Sabah's interior Tenom district.

The Minister said the government was also in the process of

improving the programme's implementation.

One of three improvements, Armizan said, involved carrying out an open tender system on the appointment of transporter companies during the middle of last year instead of a direct negotiation method previously.

"Studies are also being done to upgrade the existing mechanism on control and compliance, which depended on manual reporting.

"The improvement will include pictorial reports and will take into consideration the development of a special system, which takes into account Internet connectivity in interior areas," he said.

To address issues on leakages and ensure the limited supplies reach the target group, Armizan said the ministry will seek the proactive involvement of the local authority to propose the points of sale as well as beneficiaries.

"The ministry will work hard to implement these improvements to ensure the objective of this programme is realised and subsequently help the target group in line with subsidy policy under the Madani government," he said.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Recall Law, Lemon Law jaga hak pembeli kereta

## Undang-undang baharu automotif perlu ikut perkembangan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Malaysia** memerlukan 'Recall Law' dan 'Lemon Law', dua undang-undang untuk menjaga hak pengguna termasuk dalam industri automotif.

Penganalisis automotif, Hezeri Samsuri, berkata undang-undang baharu itu amat diperlukan untuk pelbagai sektor perniagaan dan bagi industri automotif pula, ia selaras perkembangan pasaran semasa serta masa depan.

"Lemon Law khususnya sudah lama diketengahkan tetapi sehingga kini semuanya menyepi. Ia satu keperluan untuk menjaga kepentingan pengguna."

"Di Amerika Syarikat (AS), Lemon Law dipraktikkan. Negara ini adalah pasaran berteraskan pengguna, namun tiada undang-undang sedemikian sebagai contoh untuk industri harta tanah, rumah terbangkalai dan bank kerjaya pembeli bukannya pemaju," katanya kepada BH.

Hezeri berkata, khusus untuk industri automotif, Recall Law dan Lemon Law amat diperlukan sebagai peralihan negara kepada kenderaan elektrik (EV).

"Hal ini kerana EV mempunyai banyak peranti elektronik dan teknologi yang masih baharu, bermakna ada kemungkinan ia mempunyai 'bugs' atau masalah

yang mungkin sukar dikenal pasti. Ia juga untuk melindungi syarikat kenderaan agar mereka boleh beroperasi dengan telus," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia memiliki kekangan termasuk isu kerjasama antara agensi kerajaan.

"Recall Law dan Lemon Law memerlukan kerjasama daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI); Kementerian Kewangan (MOF); Kementerian Pengangkutan (MOT) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN)."

"MITI adalah kementerian yang memantau pengeluaran kenderaan, manakala MOF membabitkan jual beli, MOT (pemilikan kenderaan) dan KPDN (kepentingan pengguna). Semua perlu bergerak aktif untuk merealisasikan dua undang-undang ini," katanya.

### Perlindungan terakhir

Sementara itu, Pengarang Portal Permotoran Electronikar, Sham Sul Yunos, berkata Lemon Law adalah perlindungan terakhir kepada pengguna jika berdepan de-

ngan masalah kenderaan yang tidak boleh diperbaiki membabitkan kesilapan termasuk pemasan atau reka bentuk kejuruteenan.

"Ia menjadi perlindungan kepada pembeli di mana pengeluar perlu menanggung semua kerrosakan. Pengeluar sepatusnya memeriksa dengan teliti semua aspek yang mana perlu dilakukan di kilang sebelum diserahkan kepada pengedar.

"Di Malaysia, perlindungan pengguna tidak begitu bagus dengan banyak perkara tidak memihak kepada pembeli. Justeru, Lemon Law amat diperlukan dalam pasaran automotif," katanya.

Lemon Law adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada perlindungan undang-undang bagi pengguna yang membeli produk rosak, terutamanya kenderaan bermotor, yang gagal memenuhi piawaian kualiti dan prestasi dalam tempoh masa tertentu.

Lemon Law atau undang-undang sebegini diguna pakai di AS, Australia, Kanada, Kesatuan Eropah, Perancis, Singapura dan Filipina.

Recall Law pula adalah un-

dang-undang yang dikuatkuasakan kerajaan untuk memantau kempen panggilan semula kenderaan yang dikhuatiri bermasa-

lah.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah, pula berkata keperluan untuk Lemon Law sudah lama dipertikaikan dan FOMCA mula mendesak kerajaan sejak 2007 lagi untuk memperkenalkan akta terabat.

"Lemon Law ini bukan sahaja merangkumi kenderaan, malah ia juga meliputi barang seperti peti sejuk, pendingin hawa, peranti mudah alih seperti telefon pintar," katanya.

"Tanpa Lemon Law, perlindungan pengguna adalah amat rendah. Dengan adanya undang-undang ini, pengguna lebih dilindungi dan ia menjadi mandatori bagi pihak pengeluar untuk menyediakan bayaran balik atau pengantian.

"Pada waktu ini, kita hanya ada akta perlindungan pengguna yang tidak merangkumi perlindungan yang komprehensif untuk pembeli," katanya.

Perlindungan adalah penting bagi memastikan pengguna mendapat hak yang diperlukan apabila melakukan pembelian bernilai besar.

Seorang pemilik Perodua Bezza, S Nagakanni yang mendakwa kenderaan dibelinya pada Oktober lalu rosak tidak sampai lapan jam selepas dibeli, baru-baru ini memaklumkan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) bersetuju untuk memberi semula keretanya dengan harga penuh selepas beberapa bulan menunggu penyelesaian.

• Lemon Law khususnya sudah lama diketengahkan tetapi sehingga kini semuanya menyepi. Ia satu keperluan untuk menjaga kepentingan pengguna •

**Hezeri Samsuri,**  
Penganalisis automotif





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 JANUARI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Jan	KELANSUNGAN HIDUP	<a href="https://www.wilayahku.com.my/kelangsungan-hidup-rakyat-">https://www.wilayahku.com.my/kelangsungan-hidup-rakyat-</a>	WILAYAHKU
8-Jan	BEKALAN GULA	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/226375/enough-sugar">https://www.dailyexpress.com.my/news/226375/enough-sugar</a>	DAILY EXPRESS
8-Jan	HARGA TONG AIR MINERAL	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/642800/edisi/utara/kpdn-ingatkan-peniaga-dipulau-pinang-tak-naikkan-harga-tong-air-mineral">https://www.sinarharian.com.my/article/642800/edisi/utara/kpdn-ingatkan-peniaga-dipulau-pinang-tak-naikkan-harga-tong-air-mineral</a>	SINAR HARIAN
8-Jan	HARGA TONG AIR MINERAL	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2259735">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2259735</a>	BERNAMA
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1048111/kedai-makanan-laut-tular-harga-mahal-digempur-">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1048111/kedai-makanan-laut-tular-harga-mahal-digempur-</a>	HARIAN METRO
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/01/1197353/kedai-makanan-laut-mahal-">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/01/1197353/kedai-makanan-laut-mahal-</a>	BERITA HARIAN
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/07/premis-makanan-cekik-darah-di-pulau-pangkor-diserbu-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/07/premis-makanan-cekik-darah-di-pulau-pangkor-diserbu-kpdn/</a>	KOSMO
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/01/07/padah-letak-harga-mahal-kpdn-serbu-kedai-ikan-bakar-di-pulau-pangkor">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/01/07/padah-letak-harga-mahal-kpdn-serbu-kedai-ikan-bakar-di-pulau-pangkor</a>	MSTAR
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/01/07/kpdn-periksa-premis-jual-ikan-siakap-bakar-rm75-di-pulau">https://malaysiagazette.com/2024/01/07/kpdn-periksa-premis-jual-ikan-siakap-bakar-rm75-di-pulau</a>	MALAYSIA GAZETTE

8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kedai-makanan-laut-tular-harga-mahal-diserbu-kpdn">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kedai-makanan-laut-tular-harga-mahal-diserbu-kpdn</a>	BERITA RTM
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/premis-makanan-harga-mahal-melampau-dikenakan-tindakan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/premis-makanan-harga-mahal-melampau-dikenakan-tindakan/</a>	UTUSAN
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://mykmu.net/2024/01/07/kedai-makanan-laut-cekik-darah-di-pangkor-diserbu-kpdn-video/">https://mykmu.net/2024/01/07/kedai-makanan-laut-cekik-darah-di-pangkor-diserbu-kpdn-video/</a>	MYKMU.NET
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.ipohecho.com.my/2024/01/07/complaints-about-expensive-cooked-seafood-prices-in-pangkor-traders-face-action/">https://www.ipohecho.com.my/2024/01/07/complaints-about-expensive-cooked-seafood-prices-in-pangkor-traders-face-action/</a>	IPOH ECHO
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2024/01/998377/domestic-trade-officers-storm-seafood-outlets-pulau-pangkor-over-alleged">https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2024/01/998377/domestic-trade-officers-storm-seafood-outlets-pulau-pangkor-over-alleged</a>	NEW STRAITS TIMES
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://thereporter.my/padah-jual-ikan-siakap-bakar-rm75-seekor-kpdn-perak-ambil-tindakan-terhadap-peniaga-di-pulau-pangkor/">https://thereporter.my/padah-jual-ikan-siakap-bakar-rm75-seekor-kpdn-perak-ambil-tindakan-terhadap-peniaga-di-pulau-pangkor/</a>	THE REPORTER
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/07/pangkor-island-seafood-restaurant-gets-anti-profiteering notice-for-overcharging">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/07/pangkor-island-seafood-restaurant-gets-anti-profiteering notice-for-overcharging</a>	THESTAR
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.hotfm.audio/hanya-letak-tanda-harga-bila-diperiksa-kpdn-serbu-kedai-seafood-mahal-di-pulau-pangkor/amp/">https://www.hotfm.audio/hanya-letak-tanda-harga-bila-diperiksa-kpdn-serbu-kedai-seafood-mahal-di-pulau-pangkor/amp/</a>	HOTFM
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://thevoocket.com/hanya-letak-tanda-harga-bila-diperiksa-kpdn-serbu-kedai-seafood-mahal-di-pulau-pangkor/">https://thevoocket.com/hanya-letak-tanda-harga-bila-diperiksa-kpdn-serbu-kedai-seafood-mahal-di-pulau-pangkor/</a>	THEVOOCKET

8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2260295">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2260295</a>	BERNAMA
8-Jan	KEDAI MAKANAN LAUT MAHAL	<a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/643135">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/643135</a>	SINAR HARIAN
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tipu-jemaah-umrah-kpdn-heret-syarikat-pelancongan-ke-mahkamah-453029?amp=1">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tipu-jemaah-umrah-kpdn-heret-syarikat-pelancongan-ke-mahkamah-453029?amp=1</a>	ASTRO AWANI
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/07/syarikat-terlibat-penipuan-pakej-umrah-didakwa-selasa-ini-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/07/syarikat-terlibat-penipuan-pakej-umrah-didakwa-selasa-ini-kpdn/</a>	KOSMO
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2024/01/07/syarikat-tipu-pakej-umrah-didakwa-selasa-kata-menteri/">https://www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2024/01/07/syarikat-tipu-pakej-umrah-didakwa-selasa-kata-menteri/</a>	FREEMALAYSIATODAY
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://malaysatribune.news/2024/01/07/syarikat-umrah-bakal-didakwa-kerana-ingkar-bayaran-award/">https://malaysatribune.news/2024/01/07/syarikat-umrah-bakal-didakwa-kerana-ingkar-bayaran-award/</a>	MALAYSIA TRIBUNE NEWS
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/07/domestic-trade-ministry-opens-88-investigation-papers-on-umrah-package-fraud-says-armizan">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/07/domestic-trade-ministry-opens-88-investigation-papers-on-umrah-package-fraud-says-armizan</a>	THESTAR
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://my.lifenewsagency.com/2024/01/07/isu-penipuan-umrah-kpdn-buka-88-kertas-siasatan/">https://my.lifenewsagency.com/2024/01/07/isu-penipuan-umrah-kpdn-buka-88-kertas-siasatan/</a>	MYLIFENEWSAGENCY
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260197">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260197</a>	BERNAMA
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://thesun.my/home_news/armizan-kpdn-opens-88-investigation-papers-on-umrah-package-fraud-HM11954762">https://thesun.my/home_news/armizan-kpdn-opens-88-investigation-papers-on-umrah-package-fraud-HM11954762</a>	THESUN

8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://amp.utusanborneo.com.my/2024/01/07/kpdn-buka-88-kertas-siasatan-penipuan-pakej-umrah-armizan">https://amp.utusanborneo.com.my/2024/01/07/kpdn-buka-88-kertas-siasatan-penipuan-pakej-umrah-armizan</a>	UTUSANBORNEO
8-Jan	PENIPUAN PAKEJ UMRAH	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/syarikat-tipu-pakej-umrah-didakwa-di-mahkamah-esok/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/syarikat-tipu-pakej-umrah-didakwa-di-mahkamah-esok/</a>	UTUSAN
8-Jan	PENYELEWENGAN DIESEL	<a href="https://malaysiapost.com.my/2024/01/07/lelaki-ditahan-cuba-seleweng-diesel/amp/">https://malaysiapost.com.my/2024/01/07/lelaki-ditahan-cuba-seleweng-diesel/amp/</a>	MALAYSIA POST
8-Jan	PENYELEWENGAN DIESEL	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/ditahan-isi-diesel-dalam-tangki-ubah-suai/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/ditahan-isi-diesel-dalam-tangki-ubah-suai/</a>	UTUSAN
8-Jan	PENYELEWENGAN DIESEL	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/01/07/kpdn-patahkan-cubaan-seludup-ribuan-liter-minyak-diesel-bersubsidi/">https://malaysiagazette.com/2024/01/07/kpdn-patahkan-cubaan-seludup-ribuan-liter-minyak-diesel-bersubsidi/</a>	MALAYSIA GAZETTE
8-Jan	PENYELEWENGAN DIESEL	<a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/643080">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/643080</a>	SINAR HARIAN
9-Jan	PENGHASILAN UBAT BATUK TIRUAN	<a href="https://www.sinarharian.com.my.https://rentas7.com/kilang-memproses-ubat-batuk-tiruan-diserbu-penguat-kuasa-kpdn/">https://www.sinarharian.com.my.https://rentas7.com/kilang-memproses-ubat-batuk-tiruan-diserbu-penguat-kuasa-kpdn/</a>	RENTAS7